

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 May 2015

Tunku Abdul Aziz persoal Dr. Mahathir

Um - 13/5/2015

KUALA LUMPUR 12 Mei - Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim hari ini mempersoalkan tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melontarkan pelbagai persepsi negatif terhadap Malaysia Development Berhad (IMDB) secara tidak bertanggungjawab dan tanpa bukti sahih.

Menurut Tunku Abdul Aziz yang juga Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kenyataan Dr. Mahathir berhubung wang RM42 bilion yang 'membelenggu' IMDB adalah tidak konsisten kerana selepas dikatakan wang itu hilang, wang itu pula dikatakan merupakan pinjaman.

"Oleh kerana RM42 bilion itu merupakan pinjaman dan bukannya hilang sebagaimana didakwa sebe-



TUNKU ABDUL AZIZ



DR. MAHATHIR

lum im, sewajarnya Tun Dr. Mahathir memiliki kejujuran untuk mengaku salah dan meminta siasatan oleh Ketua Audit Negara dihentikan. Tidak perlu malu untuk mengaku salah," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Kata beliau, Dr. Mahathir juga sewajarnya mengemukakan bukti surat pihak Swiss Bank di Singapura yang dikatakan menahkan ada wang IMDB yang telah didepositkan ke bank berkenaan.

"Tun Dr. Mahathir begitil pantas meminta bukti daripada orang lain tetapi beliau tidak begitu pantas pula dalam mengemukakan buktinya terhadap pelbagai tuduhan melulu yang

dilontarkan kepada IMDB," katanya yang mengadakan sidang akhbar itu atas kapasiti peribadi sebagai rakyat Malaysia yang menentang rasuah.